



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PEMAHAMAN GURU TERHADAP PENTAKSIRAN LISAN BILIK DARJAH  
BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN LISAN BAHASA MELAYU  
MENENGAH RENDAH**

**HALIMAH JAMIL**

**FPP 2020 6**



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PEMAHAMAN GURU TERHADAP PENTAKSIRAN LISAN BILIK DARJAH  
BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN LISAN BAHASA MELAYU  
MENENGAH RENDAH**

Oleh

**HALIMAH JAMIL**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2019**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PEMAHAMAN GURU TERHADAP PENTAKSIRAN LISAN BILIK DARJAH  
BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN LISAN BAHASA MELAYU  
MENENGAH RENDAH**

Oleh

**HALIMAH JAMIL**

**Oktober 2019**

**Pengerusi : Rozita@Radhiah Said, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kurikulum bahasa Melayu telah digubal semula dan mula digunakan pada tahun 2012 dengan mengaplikasikan sistem pentaksiran yang disepadukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perubahan pendidikan di negara berikutan sebelum ini sistem pendidikan lebih berorientasi peperiksaan yang dianggap tidak sesuai dengan arus kemajuan pendidikan di persada global. Penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dijalankan untuk meneroka pemahaman guru terhadap pentaksiran lisan bilik darjah berdasarkan kemahiran lisan bahasa Melayu menengah rendah. Secara khusus kajian ini merangkumi tiga objektif utama, iaitu; (i) mengenal pasti pemahaman guru terhadap pentaksiran lisan bahasa Melayu; (ii) menghuraikan pemahaman guru terhadap tatacara pelaksanaan pentaksiran lisan, dan (iii) menghuraikan pemahaman guru terhadap cara penskoran Tahap Penguasaan murid semasa pentaksiran lisan di dalam bilik darjah. Peserta kajian dalam kajian ini melibatkan enam orang guru bahasa Melayu yang mewakili dua orang untuk setiap sekolah yang terdiri daripada tiga buah sekolah berlainan kategori; SMK, SABK, dan SBP di salah sebuah daerah di Negeri Sembilan yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Data kajian dikumpulkan melalui kaedah triangulasi, iaitu kaedah temu bual, pemerhatian di dalam bilik darjah, dan analisis dokumen berkaitan. Setelah data diperolehi dan dikumpulkan, data dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta kajian faham bahawa pentaksiran lisan memerlukan murid berinteraksi dengan ujaran dan pengucapan yang tepat bagi menyampaikan maklumat, pendapat, dan idea. Analisis dapatan kajian juga menunjukkan bahawa peserta kajian melaksanakan pentaksiran lisan dengan berpandukan DSKP, mengintegrasikan teori fungsi dan peranan pentaksiran bilik darjah dan langkah-langkah yang digariskan oleh KPM. Namun demikian, terdapat sebilangan peserta kajian tidak melakukan perekodan, tindakan susulan, dan pelaporan pentaksiran. Dapatan kajian juga menunjukkan peserta kajian tidak dapat melakukan penskoran pentaksiran lisan

seperti mana yang ditetapkan dalam Standard Prestasi dalam menentukan Tahap Penguasaan yang dicapai oleh murid. Hal ini berikutan, peserta kajian beranggapan pernyataan setiap Tahap Penguasaan tidak jelas dan bersifat subjektif. Oleh itu, peserta kajian melakukan penskoran pentaksiran lisan berdasarkan pemahaman dan persepsi sendiri. Hal ini perlu ditangani segera khususnya pihak BPK kerana penskoran yang dilaksanakan oleh guru bertentangan dengan ketetapan DSKP. Sekiranya amalan penskoran seperti ini berterusan sudah pasti akan memberi kesan kepada murid terutamanya kemahiran komunikasi untuk berdepan dengan cabaran masa hadapan. Malah kualiti pengajaran guru akan dipertikaikan. Kajian ini dapat memberi implikasi daripada segi teori supaya pihak KPM dapat memantapkan pelaksanaan pentaksiran lisan, di samping menilai pelaksanaan penskoran yang dilakukan oleh guru agar tercapai hasrat yang ditetapkan dalam sistem pentaksiran KSSM secara lebih berkesan.

Kata kunci: pentaksiran lisan, pelaksanaan, penskoran, standard kemahiran lisan, DSKP

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**TEACHERS' UNDERSTANDING OF ORAL ASSESSMENT IN THE CLASSROOM  
BASED ON THE STANDARDS OF THE MALAY LANGUAGE ORAL SKILLS FOR  
LOWER SECONDARY**

By

**HALIMAH JAMIL**

**October 2019**

**Chairman : Rozita@Radhiah Said, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

The Malay Language curriculum has been redefined and implemented in 2012 by applying an assessment system that is integrated in the teaching and learning process. Changes in the national education are a result of the previous education system which is deemed to be incompatible with the current development of global education. The present qualitative research that employs a case study design was carried out to explore the understanding of teachers on oral assessment in the classroom for lower secondary. Specifically, this study covers three main objectives, namely; (i) to identify teachers' understanding of the Malay language oral assessment; (ii) to describe teachers' understanding of the procedure of oral assessment, and (iii) to summarise teachers' understanding of the scoring procedure of students' Mastery Level during oral assessment in the classroom. Participants in the study were seven Malay language teachers from four different categories of schools; SMK, SABK, SBP, and SMKA in one of the districts of Negeri Sembilan, who were selected using a purposive sampling technique. The data were gathered through a triangulation method, namely interviews, classroom observations, and analysis of related documents. After the data were collected and collected, the data were analyzed using ATLAS.ti version 8. The research findings revealed that the participants of the study understood that the oral assessment required students to interact using accurate speech and pronunciation in conveying information, opinions, and ideas. The analysis of the findings also revealed that the participants of the study conducted the oral assessment based on the DSKP, integrated the theory of function and the role of the classroom assessment and the steps outlined by KPM. However, a number of participants of the study did not perform recording, follow-ups, and assessment reporting. The findings of the study also revealed that the participants of the study were unable to perform oral assessment scoring as set out in the Performance Standards in determining the Mastery Level of the pupils. This was because they believed the statement of each level of Mastery Level was unclear and subjective.

As a consequence, the oral assessment scoring was done based on the participants' own understanding and perceptions. This issue should be addressed immediately especially by the BPK because the scoring procedure practised by the teachers was contrary to the DSKP specifications. If the particular way of scoring practice persists, it will largely affect the students especially on their communication skills to face future challenges. The quality of teachers' teaching will be questioned too. This study has significant theoretical implications to facilitate KPM in reinforcing the implementation of oral assessment as well as to assess the scoring procedure implemented by teachers to achieve the desired outcome of the KSSM assessment system in a more effective way.

Key words: oral skill assessment, implementation, scoring, standards of oral skill, DSKP



## PENGHARGAAN

### DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH DAN PENYAYANG SELAWAT DAN SALAM BUAT RASULULLAH JUNJUNGAN BESAR

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Rozita@Radhiah Said selaku penyelia sepanjang saya menuntut ilmu sebagai pelajar PhD atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran, dan nasihat yang diberikan dalam usaha menghasilkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Jawatankuasa Penyelesaian tesis, iaitu Dr Azhar Md Sabil dan Profesor Madya Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram tanpa jemu sentiasa memberi pandangan, nasihat, komen, sokongan dan bimbingan dalam menghasilkan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr Asmawati Suhid, Ketua Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan dan Dr. Shamsudin Othman, Penyelaras Program Siswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Profesor Dr. Abdul Rasid Jamian yang banyak memberi ilmu dan motivasi untuk saya meneruskan perjuangan dalam pengajian ini. Tidak dilupakan terima kasih tidak terhingga kepada Dr. Abu Bakar Mohamed Razali, Dr. Mohd Mursyid Arshad, dan Profesor Madya Steven Eric Krauss@Abd. Lateef pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah mencurahkan ilmu penyelidikan kualitatif untuk saya aplikasikan dalam kajian ini. Bimbingan yang diberikan amat dihargai.

Seterusnya saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga, Almarhum ayahanda Hj Jamil Abdul Wahab dan Almarhumah ibunda Hajah Sharipah Ibrahim yang tanpa putus mendoakan saya meneruskan pengajian sehingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Namun, kedua-dua insan tersayang yang dirindui tidak sempat melihat perjuangan saya untuk melahirkan tesis ini. Kepada adik-beradik Almarhumah Faizah, Adibah, Zakiah, Rashidah, Radiah, Muhammad Radi, Nurul Huda, dan Muhammad Syakir yang sangat memahami, sabar, dan bermurah hati membantu sama ada daripada segi tenaga dan kewangan selama saya menyiapkan tesis ini. Hanya Allah yang akan memberi ganjarannya. Terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada makcik Hajah Kamariah Hussin yang sentiasa memberi sokongan tanpa berbelah bahagi. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan yang memahami, banyak membantu dan sama-sama berjuang susah senang bersama untuk menyiapkan PhD, iaitu Noor Idayu Abu Bakar. Tidak dilupakan sahabat baik Azah Halimah Ramli dan Siti Khajaru'ain Othman serta rakan-rakan lain yang telah banyak membantu saya sepanjang kajian ini dijalankan. Jasa kalian amat dihargai.

Terima kasih juga diucapkan kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah membantu saya dari sudut kewangan, Pusat Pengurusan Penyelidikan yang telah menyediakan Geran IPS, dan *Financial Aid* oleh Sekolah Pengajian Siswazah, UPM untuk membantu dan memudahkan urusan penyelidikan kajian saya. Terima kasih semua!



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Rozita@Radhiah Said, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Azhar Md Sabil, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Norazlina Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Halimah binti Jamil, GS45269

### **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

\_\_\_\_\_

Dr. Rozita@Radhiah Said

Tandatangan:  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

\_\_\_\_\_

Dr. Azhar bin Md Sabil

Tandatangan:  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

\_\_\_\_\_

Profesor Madya Dr. Norazlina Hj Mohd Kiram

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>BAB</b>	
<b>1</b>	
<b>PENGENALAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Kepentingan Kemahiran Lisan	10
1.4 Peranan Guru dalam Melaksanakan Kemahiran Lisan	13
1.5 Penyataan Masalah	14
1.6 Objektif Kajian	17
1.6.1 Objektif Umum	17
1.6.2 Objektif Khusus	17
1.7 Persoalan Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	18
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Skop Kajian	20
1.11 Definisi Operasional	20
1.11.1 Pemahaman Guru	20
1.11.2 Kemahiran Lisan	21
1.11.3 Standard Kandungan	22
1.11.4 Standard Pembelajaran	22
1.11.5 Standard Prestasi	22
1.11.6 Pentaksiran Lisan dan PdP	23
1.12 Rumusan	23
<b>2</b>	
<b>SOROTAN LITERATUR</b>	24
2.1 Pengenalan	24
2.2 Pengujian, Pengukuran, Penilaian, dan Pentaksiran	24
2.3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	25
2.4 Pentaksiran Formatif	26
2.4.1 Pentaksiran Bilik Darjah	29
2.4.2 Ciri-ciri Pentaksiran Bilik Darjah	32
2.5 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran	33
2.5.1 Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua	33
2.5.1.1 Pentaksiran Lisan	35

	2.5.1.2	Tatacara Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	36
	2.5.1.3	Penskoran Pentaksiran Lisan	39
2.6		Rubrik Pentaksiran	44
2.7		PBS dan Pentaksiran Lisan	46
2.8		Kerangka Teori Kajian	51
	2.8.1	Teori Fungsi dan Peranan Pentaksiran Bilik Darjah	51
2.9		Kerangka Konseptual Kajian	55
2.10		Rumusan	56
<b>3</b>		<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>57</b>
3.1		Pengenalan	57
3.2		Reka Bentuk Kajian	57
3.3		Peserta Kajian	58
	3.3.1	Peserta Kajian 1 (PK01)	58
	3.3.2	Peserta Kajian 2 (PK02)	59
	3.3.3	Peserta Kajian 3 (PK03)	59
	3.3.4	Peserta Kajian 4 (PK04)	60
	3.3.5	Peserta Kajian 5 (PK05)	60
	3.3.6	Peserta Kajian 6 (PK06)	60
3.4		Lokasi Kajian	61
3.5		Instrumen dan Teknik Pengumpulan Data	63
	3.5.1	Temu Bual	63
	3.5.2	Pemerhatian	63
	3.5.3	Analisis Dokumen	64
3.6		Tempoh Kajian dan Fasa Pengumpulan Data Kajian	65
3.7		Teknik Penganalisan Data	68
	3.7.1	Membangunkan Tema dan Pengekodan Data	68
	3.7.2	Triangulasi Data	71
3.8		Kesahan dan Kebolehpercayaan	72
	3.8.1	Kesahan Kaedah Temu Bual dan Pemerhatian	72
3.9		Kajian Rintis	74
3.10		Prosedur Kajian	75
3.11		Etika Kajian	75
3.12		Jadual Kerja	77
	3.12.1	Data Temu Bual	77
	3.12.2	Data Pemerhatian	77
	3.12.3	Data Rakaman (Video dan Audio)	78
	3.12.4	Data Dokumen	78
3.13		Kerangka Kajian	79
3.14		Rumusan	80
<b>4</b>		<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>81</b>
4.1		Pengenalan	81
4.2		Pemahaman Guru Terhadap Pentaksiran Lisan	81
	4.2.1	Proses Interaksi	81
	4.2.2	Ciri-ciri Kemahiran Mendengar dan Bertutur	88
	4.2.3	Matlamat Pentaksiran Lisan	92
	4.2.3.1	Berketerampilan Dalam Komunikasi	93
	4.2.3.2	Mempunyai Keyakinan Diri	94

	4.2.3.3 Berani menyuarakan Pendapat	94
4.3	Pemahaman Guru Terhadap Tatacara Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	95
4.3.1	Langkah-langkah Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	95
	4.3.1.1 Rancang PdP dan Kaedah Pentaksiran	97
	4.3.1.2 Pelaksanaan PdP dan Pentaksiran	98
	4.3.1.3 Rekod dan Analisis Penguasaan Murid	116
	4.3.1.4 Tindakan Susulan	120
	4.3.1.5 Laporan Tahap Penguasaan Murid	122
4.3.2	Maklum Balas Pentaksiran	123
4.4	Pemahaman Guru Terhadap Penskoran Tahap Penguasaan Murid dalam Pentaksiran Lisan di dalam Bilik Darjah	130
4.4.1	Rubrik Tahap Penguasaan	131
4.4.2	Penilaian Secara Pertimbangan Profesional	136
4.4.3	Penilaian Secara Individu	138
4.5	Rumusan	143
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN</b>	<b>145</b>
5.1	Pengenalan	145
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	145
5.2.1	Pemahaman Guru Terhadap Pentaksiran Lisan	145
5.2.2	Pemahaman Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	147
5.2.3	Pemahaman Guru Terhadap Penskoran Tahap Penguasaan Murid dalam Pentaksiran Lisan	150
5.3	Perbincangan	153
5.4	Implikasi Kajian	159
5.4.1	Guru Bahasa Melayu Sebagai Pentaksir	159
5.4.2	Pelaksanaan Pentaksiran Mengikut DSKP dan PPPBD	160
5.4.3	Penskoran Pentaksiran Berasaskan Tahap Penguasaan	161
5.4.4	Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Melayu Berlandaskan KSSM	161
5.4.5	Implikasi Terhadap Teori	162
5.5	Cadangan	163
5.5.1	Peranan dan Tanggungjawanan Guru Bahasa Melayu Sebagai Pentaksir	163
5.5.2	Pihak Berkepentingan	164
5.5.3	Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan Penskoran Pentaksiran Lisan	165
5.5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	166
5.6	Penutup	167
	<b>RUJUKAN</b>	<b>168</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>177</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>209</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>210</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Pentaksiran Lisan Bilik Darjah Berdasarkan Standard Kemahiran Lisan Bahasa Melayu	10
2.1	Dimensi Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah dan Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PPPBD)	31
2.2	Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Satu	42
2.3	Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Dua	43
2.4	Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Satu	45
2.5	Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Dua	46
3.1	Peserta Kajian	61
3.2	Profil Sekolah	62
3.3	Rekod Pelaporan Pentaksiran Sekolah	64
3.4	Jenis Dokumen	65
3.5	Strategi Memastikan Kesahan dan Kebolehpercayaan	74
3.6	Persoalan Berkaitan Etika Sebelum Melaksanakan Temu Bual	76
4.1	Proses Interaksi	81
4.2	Contoh Penganalisan Data Secara Triangulasi	86
4.3	Ciri-ciri Kemahiran Mendengar dan Bertutur	88
4.4	Matlamat Pentaksiran Lisan	93
4.5	Langkah-langkah Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	96
4.6	Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran Lisan	106
4.7	Contoh Penganalisan Data Secara Triangulasi	107
4.8	Pentaksiran Secara Formal dan Tidak Formal	108
4.9	Jumlah Murid dalam Bilik Darjah	111
4.10	Merekod Pentaksiran Murid	116
4.11	Pelaporan Tahap Penguasaan Murid	122
4.12	Pemahaman Guru Terhadap Langkah-langkah Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	128
4.13	Pemahaman Pelaksanaan Pentaksiran Lisan Guru Bahasa Melayu	129
4.14	Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Satu	131
4.15	Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Dua	134
4.16	Cara Penskoran Pentaksiran Lisan	138
4.17	Contoh Penganalisan Data Secara Triangulasi	141
4.18	Pemahaman Guru Terhadap Cara Penskoran Tahap Penguasaan Murid Semasa Pentaksiran Lisan	142

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	7
1.2	Dimensi Kurikulum	8
1.3	Panduan Pentadbiran Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)	9
1.4	Enam Ciri Utama yang Diperlukan oleh Setiap Murid untuk Berupaya Bersaing Pada Peringkat Global	19
2.1	Ciri Utama Pentaksiran Bilik Darjah	32
2.2	Carta Alir Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	38
2.6	Teori Fungsi dan Peranan Pentaksiran di Bilik Darjah (Brookhart, 1997b)	52
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	55
3.1	Fasa Pengumpulan Data Kajian	67
3.2	Proses Memahami Data	68
3.3	Contoh Analisis Kod dan Tema	69
3.4	Contoh Pengkategorian Data Mengikut Sub Tema	71
3.5	Kerangka Kajian Amalan Pelaksanaan Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu	79
4.1	Contoh Rancangan Penagajaran Harian	98
4.2	Contoh Aktiviti <i>Gallery Walk</i>	102
4.3	Contoh Penggunaan Buku Teks Aktiviti Pentaksiran Lisan	105
4.4	Contoh Lembaran Kerja Murid	105
4.5	Pelan Lantai Bilik Darjah PK01	112
4.6	Pelan Lantai Bilik Darjah PK02	112
4.7	Pelan Lantai Bilik Darjah PK03	113
4.8	Pelan Lantai Bilik Darjah PK04	113
4.9	Pelan Lantai Bilik Darjah PK05	114
4.10	Pelan Lantai Bilik Darjah PK06	114
4.11	Proses Perekodan Pentaksiran Lisan	117
4.12	Rumusan Analisis Dapatan Kajian	144
5.1	Pentadbiran Pentaksiran Lisan	146
5.2	Langkah-langkah Pelaksanaan Pentaksiran Lisan	150



## SENARAI LAMPIRAN

<b>Lampiran</b>		<b>Muka surat</b>
A	Contoh Protokol Temu Bual Separa Berstruktur Guru Bahasa Melayu	177
B	Contoh Protokol Pemerhatian Pentaksiran Guru Bahasa Melayu	179
C	Contoh Catatan Lapangan	181
D	Contoh Transkripsi Pemerhatian	182
E	Contoh Transkripsi Temu Bual	185
F	Surat Pelantikan Pakar Penyemak Kesahan	191
G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh BPPDP, KPM	198
H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh JPNS	200
I	Contoh Borang Persetujuan Peserta Kajian	201
J	Jadual Lawatan Kajian	202
K	Contoh Rancangan Pelajaran Harian	203
L	Contoh Aktiviti Murid	204
M	Contoh Hasil Kerja Murid	205
N	Contoh Borang Penskoran Tahap Penguasaan Murid	207

## SENARAI SINGKATAN

KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PPPBD	Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SPi	Standard Prestasi
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
TP	Tahap Penguasaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
<i>AaL</i>	<i>Assessment as Learning</i>
<i>AfL</i>	<i>Assessment for Learning</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
JU	Jurulatih Utama
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
PK	Peserta Kajian
TB	Temu Bual
B	Baris

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pihak kerajaan telah memutuskan untuk membuat perubahan terhadap sistem pendidikan di Malaysia agar setanding dengan negara-negara maju. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan terhadap sistem pendidikan, guru perlu bersedia untuk menerima perubahan dan melaksanakannya dengan berkesan bagi menjayakan inovasi pendidikan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat penambahbaikan terhadap sistem pendidikan, iaitu sistem peperiksaan awam kepada pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang melibatkan sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. PBS melibatkan semua murid, iaitu bagi murid sekolah rendah (darjah satu hingga darjah enam) serta murid sekolah menengah (tingkatan satu hingga tingkatan tiga). Kurikulum dan pentaksiran merupakan salah satu usaha kerajaan mentransformasikan pendidikan dengan melaksanakan sistem pentaksiran dalam sistem pendidikan negara. Kurikulum dan pentaksiran yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013) merupakan transformasi daripada sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan (ujian pencapaian dan peperiksaan) kepada sistem yang lebih holistik. Sistem ini bertujuan untuk membuat penilaian terhadap potensi murid, kesediaan untuk belajar, dan menguji penguasaan serta pencapaian murid.

Terdapat tiga faktor perubahan sistem pendidikan yang berasaskan peperiksaan awam kepada pentaksiran berasaskan sekolah. Pertama, pihak KPM menyatakan mereka perlu memansuhkan peperiksaan awam ke arah proses pendidikan yang lebih berkembang maju. Kedua, pihak KPM mengharapkan agar kemahiran komunikasi dan kreativiti dalam kalangan murid dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan PBS di sekolah. Begitu jua, melalui PBS ini kompetensi murid dapat dikembangkan melalui kemahiran berfikir aras tinggi misalnya, aplikasi, analisis, penilaian, dan kreatif. Ketiga, KPM melaporkan bahawa murid tidak lagi dinilai melalui peperiksaan akhir tahun, sebaliknya perlu belajar secara berkumpulan bersama-sama rakan sebaya PPPM 2013-2025 (KPM, 2013). Secara tidak langsung, pembelajaran secara berkumpulan dapat membina kemahiran sosial terutamanya dalam hubungan interpersonal sesama mereka. Tombari dan Borich (1999) berpendapat, pengetahuan dan keupayaan murid seharusnya dinilai secara berterusan sepanjang tahun dan tidak hanya diuji melalui penilaian sumatif. Negara-negara seperti Netherlands, Korea, United Kingdom, dan Amerika telah lama melaksanakan PBS dalam sistem pendidikan mereka. Namun demikian, masih terdapat para pengkaji yang meneruskan pengkajian mereka yang berkaitan dengan PBS walaupun sistem pendidikan ini telah lama dilaksanakan.

Pendidikan bahasa Melayu secara bersepadu telah bermula sekian lama semenjak tahun 1988 dengan Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu (KBSM). Tujuan kurikulum ini dirangka bagi memenuhi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa ilmu (Nik Safiah Karim, Awang Sariyan, Ahmad Hj. Tahir, dan Muhani Hj. Abdul Ghani, 1988). Sehubungan dengan itu, Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1998) menfokuskan kepada tiga aspek, iaitu (1) murid bukan sahaja perlu menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi, malah mereka perlu memahami bahawa sistem bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama, bahasa pencerminan akal budi rakyat dan bahasa ilmu pengetahuan; (2) mementingkan penggabungjalinan kecekapan berbahasa, merangkumi aspek-aspek bahasa dan penyerapan ilmu pengetahuan, unsur kewarganegaraan serta nilai murni masyarakat bagi melahirkan insan yang berkeperibadian yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani; dan (3) memberi pemahaman mengenai sistem bahasa serta unsur nilai yang berkaitan dengannya, kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal persendirian, dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tidak rasmi, dan kreatif melalui lisan dan penulisan.

Namun, semakan terhadap KBSM pada tahun 2002 masih mengekalkan matlamat yang sama dengan kurikulum lama. Semakan kurikulum baharu adalah lebih menyeluruh yang meliputi aspek penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, hasil pembelajaran, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Perubahan yang berlaku ini bertujuan membolehkan murid menguasai bukan sahaja aspek nahu bahasa Melayu, tetapi juga aspek kecekapan berbahasa (Awang Sariyan, 2004). Kemahiran bahasa yang ditekankan dalam Sukatan Pelajaran bahasa Melayu KBSM (2002) merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan. Kemahiran bertutur pula merujuk kepada keupayaan murid menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis, dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan di samping menggunakan tatabahasa yang betul.

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul, dan penekanan diberi kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik membaca. Kemahiran menulis pula merujuk kepada keupayaan pelajar mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid digalakkan menggunakan kreativiti mereka semasa penulisan dalam menghasilkan penulisan yang baik. Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada kemahiran bertutur atau lisan bahasa Melayu sahaja.

Keputusan dasar KPM menuntut memperbaharui kurikulum kebangsaan adalah berpaksikan kurikulum yang holistik dan sentiasa relevan bagi tujuan melahirkan modal insan seimbang agar dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Hal ini selaras dengan gagasan Y.A.B Tun Abdullah bin Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri pada tahun 2006 yang mengesyorkan supaya sistem pendidikan negara memberi penumpuan terhadap pembangunan modal insan, penghasilan pelajar celik minda, program membangunkan akal manusia dalam melahirkan insan ulul al-Bab, dan pembentukan warga yang menguasai ilmu, kemahiran, dan maklumat (KPM, 2016).

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula diperkenalkan pada tahun 1989. Oleh yang demikian, pada tahun 2003 semakan KBSM telah dijalankan melalui arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2000 bertarikh 14 Januari 2002: *Pelaksanaan Sukatan Pelajaran yang Disemak Semula Bagi KBSR dan KBSM*. Lanjutan daripada arahan tersebut, satu keputusan telah diambil untuk merombak sistem pendidikan negara melalui Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008 bertarikh 23 Mei 2008. Maka pada tahun 2017 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula dilaksanakan di sekolah menengah bagi semua murid tingkatan satu secara berperingkat selaras dengan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.2/2010 pada 26 Oktober 2010. KSSM diperkenalkan sebagai usaha untuk penambahbaikan dan asas pembangunan kurikulum adalah selaras dengan syor yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 yang merangkumi enam aspirasi murid, kemahiran abad 21, perpaduan dan keharmonian kaum, dan kemahiran komunikasi. Pembaharuan KSSM melibatkan tiga aspek kurikulum, iaitu kandungan, pedagogi, dan pentaksiran. Aspek kandungan meliputi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi (SPi) yang terkandung dalam dokumen baharu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Kurikulum bahasa Melayu baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula dilaksanakan untuk murid tingkatan satu pada tahun 2017. Pembaharuan kurikulum ini selaras dengan PPPM 2013-2025. Antara aspek yang ditekankan dalam kurikulum baharu ini terkandung dalam Anjakan 2 PPPM 2013-2025 meliputi kemahiran komunikasi yang memerlukan murid menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa untuk berkomunikasi secara berkesan dan mampu bersaing di peringkat global.

Sejajar dengan perubahan kurikulum baharu, pelaksanaan pentaksiran lisan juga mengalami perubahan. Jika dilihat pada KBSM, Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) yang dinilai oleh guru yang mengajar bahasa Melayu mula dilaksanakan pada tahun 2003. Murid tingkatan satu dan dua akan ditaksir dua kali setahun oleh guru sebagai pentaksir sekolah mengikut tema yang tertentu pada peringkat sekolah. Murid tingkatan tiga hanya akan ditaksir sekali sahaja oleh guru seterusnya penyelarasan skor akan dibuat oleh Ketua Pentaksir Kawasan atau



Pentaksir Kawasan. Aspek yang ditaksir dalam PLBS berdasarkan empat konstruk, iaitu tatabahasa dan kosa kata, sebutan, intonasi dan nada, fasih dan bermakna serta bertatasusila. Terdapat lima model pentaksiran PLBS, iaitu (1) model individu; (2) model individu (pendengar); (3) model individu (penggalak); (4) model kumpulan (berpasangan); dan (5) model kumpulan.

Kurikulum baharu KSSM dalam sistem pendidikan negara dibentuk berasaskan tiga standard yang terkandung dalam DSKP, iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi (SPi) yang wajib dipelajari dan dikuasai oleh setiap murid. Sekiranya murid masih belum menguasai SP, pentaksiran tidak terhenti di situ sahaja sebaliknya mereka akan diberi peluang (pentaksiran semula) untuk memperbaiki pentaksiran sehingga dapat menguasai mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Setelah pentaksiran selesai, guru akan membuat penskoran mengikut Tahap Penguasaan murid secara aplikasi *ms excel* yang telah disediakan oleh BPK, KPM.

KSSM dibentuk berasaskan enam tunjang, iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. Bagi melahirkan modal insan yang boleh berkomunikasi dengan cekap, KSSM telah menetapkan agar murid dapat mencapai penguasaan kemahiran berbahasa secara lisan atau bukan lisan semasa berinteraksi dengan pihak lain dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini demikian kerana, kemahiran berkomunikasi secara berkesan harus dipraktikkan dan menjadi amalan dari bangku sekolah lagi bagi persediaan mereka untuk melengkapkan diri ke alam pekerjaan kelak. Maka, dalam sistem pendidikan bahasa Melayu, pentaksiran dijalankan secara bersepadu dengan PdP bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan pembelajaran murid. Oleh itu, untuk menentukan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan pentaksiran, guru bertanggungjawab untuk mentadbir pentaksiran itu sendiri. Guru perlu menguasai kaedah pengajaran bahasa, menentukan hasil objektif PdP, meningkatkan kompetensi guru bahasa (Baranovskaya dan Shaforostova, 2017) dan menyedari bahawa kemahiran pedagogi dalam diri guru perlu dipertingkatkan (Torrance dan Pryor, 2001) dari semasa ke semasa yang boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara.

Menurut Assessment Reform Group (2002), aktiviti pentaksiran formatif yang dilaksanakan oleh guru dan murid di dalam bilik darjah membolehkan guru mengumpulkan bahan bukti untuk melihat tahap kefahaman pembelajaran murid melalui aktiviti yang pelbagai misalnya, bukti pentaksiran lisan, iaitu perbincangan dalam kumpulan antara murid yang menggalakkan mereka bersoal jawab, memberi maklum balas, dan mendengar dengan teliti semasa aktiviti perbincangan. Seterusnya, bukti berbentuk penulisan misalnya menulis nota, bukti berbentuk grafik (graf, lukisan, dan lukisan peta konsep), bukti praktikal yang dijalankan oleh murid semasa mengendalikan eksperimen Sains, dan akhir sekali evidens berbentuk bukan pertuturan yang dinilai oleh guru berorientasikan bahasa badan yang ditunjukkan

oleh murid semasa pentaksiran. Hasil maklumat daripada pentaksiran yang dijalankan semasa pentaksiran sekolah, membolehkan pihak pentadbir, guru, ibu bapa dan murid untuk merancang tindakan susulan bagi tujuan meningkatkan perkembangan pembelajaran murid pada masa akan datang.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Peperiksaan berpusat yang telah sekian lama dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bertujuan untuk menilai tahap pencapaian murid dengan memberi gred yang tertentu mengikut ketetapan oleh pihak LPM. Oleh yang demikian, pihak sekolah, guru, ibu bapa, dan murid lebih memberi penekanan terhadap peperiksaan dan menumpukan ke arah persediaan murid yang boleh menjawab soalan peperiksaan semata-mata. Tidak dinafikan kurikulum yang dibentuk seperti Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baharu Sekolah Menengah (KBSM) menuntut pembangunan menyeluruh potensi pelajar namun memperlihatkan sistem berpusatkan peperiksaan lebih menekankan pencapaian sekolah untuk bersaing antara satu sama lain. Hal ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak dititik beratkan, di samping tidak memberi peluang kepada murid untuk memperbaiki proses pembelajaran mereka (Stigler dan Hiebert, 1997).

Perubahan sistem pendidikan yang berlaku adalah tepat pada masanya seiring dengan evolusi dan kemajuan dalam pendidikan itu sendiri. Oleh yang demikian, KPM telah memansuhkan peperiksaan PMR dengan menggantikan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) bermula pada tahun 2014. Sistem pendidikan PBS merupakan gabungan akademik dan bukan akademik. Komponen akademik terdiri daripada Pentaksiran Pusat (PP) yang disediakan oleh LPM, namun proses pentaksirannya dilaksanakan oleh guru di sekolah berpandukan rubrik yang dibangunkan oleh LPM. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang dijalankan di sekolah di bawah tanggungjawab guru-guru mata pelajaran, iaitu mereka membuat perancangan, pelaksanaan, dan pelaporan pentaksiran. Proses pentaksiran berbentuk formal dan tidak formal berlangsung secara berterusan yang bertujuan agar guru dapat melihat dan menentukan tahap penguasaan sebenar murid.

Pentaksiran bukan akademik pula terdiri daripada Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (Ppsi). PAJSK melibatkan murid tahun empat di sekolah rendah dan murid tingkatan satu, dua, dan tiga di sekolah menengah. Komponen PAJSK merangkumi (1) SEGAK (Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan) untuk mengukur tahap kecergasan dan *Body Mass Index* (BMI) yang merekodkan tentang ketinggian dan berat badan bagi menentukan tahap jisim badan; (2) Kokurikulum merangkumi Sukan dan Permainan, Kelab dan Persatuan, dan Badan Beruniform. Ketiga-tiga aktiviti ini mengambil kira penyertaan, penglibatan, dan pencapaian di peringkat sekolah, daerah, negeri, negara dan antarabangsa bagi setiap murid yang terlibat; dan (3) Ekstra Kurikulum, iaitu

penyertaan, penglibatan dan pencapaian dalam kerja sukarela semasa atau luar waktu sekolah.

Pelaksanaan Ppsi terdiri daripada dua komponen, iaitu (1) Ujian Aptitud – Aptitud Am bagi murid tahun tiga dan enam serta Aptitud Khusus untuk murid tingkatan tiga; dan (2) Inventori Personaliti – Inventori Personaliti bagi murid tingkatan satu dan empat dan Inventori Minat Kerjaya untuk murid tingkatan satu, tiga dan lima. Ujian aptitud bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan, kekuatan/ kelemahan, minat, bakat, dan kesediaan bagi menyediakan situasi pengajaran dan pembelajaran yang terbaik serta mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan berkesan. Inventori personaliti pula bagi mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri perilaku unik dan stabil yang ada pada setiap individu untuk membimbing murid membentuk personaliti yang seimbang dan membantu guru menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai (KPM, 2014). Instrumen Ppsi disediakan oleh LPM dan dikendalikan oleh guru di sekolah.

Pelaksanaan PBS dalam sistem pendidikan di negara kita masih dianggap baharu dalam kalangan pendidik untuk menguasai dan memahami pelaksanaan sepenuhnya semenjak diperkenalkan pada tahun 2012 seperti yang dinyatakan dalam Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil.3 Tahun 2011: *Pemakluman Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Rendah dan Menengah Rendah* (KP.LP.003.07.14.05(1) bertarikh 29 Julai 2011. Jika dilihat dari sudut pelaksanaan PBS di Malaysia, guru bertanggungjawab sebagai pelaksana di sekolah perlu memberi fokus terhadap strategi pengajaran yang akan dilaksanakan secara berkesan. Pelaksanaan PBS di sekolah dipercayai dapat memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak, iaitu guru dan murid jika dilihat pada enam sudut, iaitu (1) hasil kerja murid sebagai bukti pengajaran guru; (2) membantu guru memerhati proses pembelajaran murid secara berterusan di dalam kelas sepanjang tahun dan membantu murid untuk meningkatkan serta memperbaiki proses pembelajaran sebelum hujung tahun; (3) membantu guru mendapatkan data dengan tepat dengan menggunakan teknik mengajar yang bersesuaian mengikut kumpulan murid yang pelbagai; (4) melalui data pentaksiran yang dilaksanakan dapat membantu murid mempertingkatkan pengetahuan dan pemahaman pembelajaran mereka; (5) memberi peluang kepada murid untuk membangunkan penilaian sendiri ketika proses pembelajaran; dan (6) membolehkan murid membuat keputusan sendiri bagaimana untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran (Thomas, Allman, dan Beech, 2004).

Menurut LPM (2014), pelaksanaan PBS bermula pada tahun 2012 berdasarkan Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil. 3/2011 bertarikh 29 Julai 2011 bagi murid tingkatan satu di peringkat sekolah menengah. PBS dikatakan bersifat holistik dan murid dinilai berdasarkan aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani), dan sosial. Rajah 1.1 menjelaskan PBS yang dilaksanakan di sekolah menengah yang merangkumi empat komponen pentaksiran dan dibahagikan kepada dua, iaitu (1) akademik, pentaksiran sekolah (PS) dan pentaksiran pusat (PP);



(2) bukan akademik, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan & kokurikulum (PAJSK) dan pentaksiran psikometrik (PPsi).

KOMPONEN PBS	TINGKATAN 1	TINGKATAN 2	TINGKATAN 3
Pentaksiran Sekolah			
Pentaksiran PAJSK			
Pentaksiran Psikometrik			
Pentaksiran Pusat (Pentaksiran Tingkatan 3 - PT3)			

**Rajah 1.1: Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Pelaksanaan PBS di sekolah dijalankan oleh guru yang berperanan sebagai perancang, pentadbir, pembuat penskoran, dan menulis pelaporan pentaksiran murid mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM. Objektif pelaksanaan PBS adalah untuk:

- 1) mendapatkan gambaran secara keseluruhan tentang potensi individu.
- 2) memantau pertumbuhan dan membantu meningkatkan potensi individu.
- 3) membuat pelaporan bermakna tentang pembelajaran individu.

*(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2010)*


Transformasi pendidikan selaras dengan PPPM 2013-2025 (KPM, 2013) yang terkandung dalam Anjakan 1, iaitu merombak peperiksaan kebangsaan dan peratusan soalan yang mentaksir kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sekurang-kurangnya 40% dalam UPSR dan bagi peperiksaan SPM sekurang-kurangnya 50% bermula pada tahun 2016.

Sehubungan dengan itu, terdapat 11 anjakan yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 yang perlu dilaksanakan bagi tujuan menghasilkan perubahan yang dikehendaki oleh semua pihak. Kerajaan telah menetapkan bahawa kualiti merupakan elemen penting dalam mencapai semua anjakan kerana kualiti perlu diberi penekanan utama semasa pelaksanaannya. Oleh itu, pengkaji menumpukan kepada Anjakan 2, iaitu memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta digalakkan mempelajari bahasa tambahan. Anjakan 2 ini terkandung dalam Bab 4 PPPM 2013-2025 antaranya menumpukan kepada kurikulum dan pentaksiran dan penguasaan kemahiran bahasa untuk keperluan pendidikan murid ke arah peningkatan prestasi sekolah. Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sama ada kemahiran membaca, menulis, dan lisan adalah penting untuk melahirkan generasi yang mampu berketerampilan berbahasa dengan cemerlang pada masa akan datang. PPPM 2013-2025 juga menyatakan keputusan bahasa Melayu menunjukkan kadar lulus paling tinggi dalam peperiksaan awam, iaitu UPSR, PMR, dan SPM. Oleh itu, bagi memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid,

KPM telah mengambil langkah yang wajar dengan memperkenalkan kurikulum bahasa Melayu yang standard pada peringkat rendah yang merangkumi semua sekolah jenis kebangsaan.

PPPM 2013-2025 dalam Bab 4 – Pembelajaran Murid menjelaskan kurikulum yang dibangunkan untuk dilaksanakan di sekolah mengandungi tiga dimensi, iaitu Kurikulum Bertulis, Kurikulum yang Diajar serta Kurikulum yang Ditaksir. Ketiga-tiga dimensi ini saling berhubung antara satu sama lain yang menjadi amalan di dalam bilik darjah. Kurikulum Bertulis merujuk kepada apa-apa yang ditulis dalam kurikulum yang digariskan oleh KPM, iaitu pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang membentuk kandungan kurikulum yang perlu diajar oleh guru. Kurikulum Bertulis yang dibangunkan oleh KPM bertujuan untuk mencapai keselarasan standard antarabangsa dengan menggunakan tanda aras daripada sistem pendidikan berprestasi tinggi. Dalam hal ini, dokumen standard KSSM yang menjadi rujukan guru, iaitu DSKP mengandungi Standard Kandungan, Standard Prestasi, dan Standard Pembelajaran merupakan pendekatan yang digunakan oleh guru supaya standard tersebut dapat dicapai dan dikuasi oleh murid.

Kurikulum yang Diajar pula apa-apa yang diajar di dalam bilik darjah, iaitu merangkumi pengetahuan yang diperoleh, kemahiran yang dikembangkan, dan nilai yang dipupuk dalam diri murid. Seterusnya, Kurikulum yang Ditaksir merupakan apa-apa yang diuji yang melibatkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai murid yang ditaksir. Hal ini melibatkan peperiksaan awam sumatif seperti UPSR, PT3, dan SPM atau melalui PBS secara formatif dan/ atau sumatif yang menjadi asas panduan bagi proses pengajaran. Pentaksiran merupakan dimensi penting yang dijalankan sama ada secara formatif dan sumatif berdasarkan kebijaksanaan guru dalam menentukan pemilihan kaedah dan pendekatan yang pelbagai semasa pentaksiran berlangsung. Noraini (2005) menyatakan pentaksiran sangat penting untuk melihat sejauh mana seorang murid itu memahami sesuatu konsep pembelajaran dan kemahiran yang diajar oleh guru. Dalam kajian ini, pelaksanaan pentaksiran lisan yang dilaksanakan oleh guru perlu merangkumi ketiga-tiga dimensi yang telah dinyatakan di atas. Rajah 1.2 menunjukkan dimensi kurikulum PBD.




**Rajah 1.2: Dimensi Kurikulum**

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, UNESCO dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, KPM, 2013)

Bagi murid tingkatan tiga, pentaksiran lisan dijalankan dalam bentuk kumpulan yang melibatkan empat hingga lima orang calon Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Guru akan menetapkan kumpulan calon terlebih dahulu sebelum bermulanya sesi pentaksiran. Kemudian, guru akan memberi tugas (tema atau tajuk perbincangan) kepada kumpulan. Ahli kumpulan diberikan masa 10 minit untuk berbincang sebagai persiapan sebelum pentaksiran dilaksanakan. Pentaksiran dijalankan dalam tempoh 10 hingga 12 minit ini dijalankan secara kumpulan tetapi skor diberikan secara individu.

Bagi pentaksiran tingkatan satu dan dua tiada garis panduan seperti PT3 yang disediakan oleh pihak LPM. Guru mengamalkan pentaksiran lisan berdasarkan pengalaman yang mereka peroleh semasa menggunakan kaedah PLBS dan diberi autonomi mengikut kebijaksanaan guru itu sendiri. Rajah 1.3 menunjukkan panduan pentadbiran pentaksiran lisan bahasa Melayu yang digunakan oleh pentaksir PT3:



**Rajah 1.3: Panduan Pentadbiran Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)**

*(Sumber: Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah, KPM (2016))*

Pentaksiran lisan yang berlangsung boleh dikendalikan sama ada interaksi murid dengan murid, murid dengan guru, atau murid dengan bahan pembelajaran. Guru bebas untuk merancang dan memilih aktiviti pentaksiran yang akan dijalankan di dalam bilik darjah. Guru perlu menggunakan kebijaksanaan mereka untuk memastikan dan menggalakkan murid dapat berinteraksi dengan baik. Jadual 1.1 menunjukkan pentaksiran bilik darjah berdasarkan kemahiran lisan bahasa Melayu.

**Jadual 1.1: Pentaksiran Lisan Bilik Darjah Berdasarkan Standard Kemahiran Lisan Bahasa Melayu**

<b>Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu</b>
Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga
Merujuk DSKP- Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi
Aspek yang ditaksir secara lisan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kefahaman konsep</li> <li>• Pengetahuan fakta</li> <li>• Kemahiran mendengar</li> <li>• Penggunaan bahasa yang tepat</li> <li>• Kefasihan menghafaz</li> <li>• Sebutan dalam berbahasa</li> <li>• Kecekapan mencongak</li> <li>• Gaya persembahan</li> <li>• Pertuturan dan sikap</li> </ul>
Pentaksiran lisan berlaku interaksi antara: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dengan murid</li> <li>• Murid dengan murid</li> <li>• Murid dengan bahan pembelajaran</li> </ul> Dilaksanakan secara: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu</li> <li>• Berpasangan</li> <li>• Perbincangan kumpulan</li> </ul>
Kemahiran lisan ditaksir melalui aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soal jawab, bacaan kuat, syarahan, perbahasan, bercerita, perbincangan, hafazan, temu bual, nyanyian, deklamasi sajak, mendengar dan memberi respons secara lisan</li> </ul>
Pentaksiran lisan sesuai untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengesan kemajuan dan pencapaian murid dalam kemahiran komunikasi.</li> <li>• Mendapat maklumat serta-merta tentang pengetahuan dan kefahaman murid.</li> <li>• Mengesan kebolehan murid dalam kemahiran membaca dan menghafaz.</li> <li>• Mengesan kelancaran dalam sebutan.</li> <li>• Mengesan amalan dan sikap murid secara serta-merta.</li> </ul>
Pentaksiran dijalankan secara berterusan dan disepadukan dalam PdP sehingga murid mencapai Tahap Penguasaan yang paling rendah hingga tinggi (dari tahap satu hingga enam).
Pentaksiran lisan boleh dilaksanakan secara formal atau tidak formal.

(Sumber: Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, BPK, KPM, 2018)

### 1.3 Kepentingan Kemahiran Lisan

Dalam Laporan Tahunan 2017 PPPM 2013-2025, melaporkan bahawa semua pihak khususnya pihak berkepentingan perlu mengembeling tenaga secara bersepadu bagi

memartabatkan pendidikan bahasa Melayu. Pengukuhan pendidikan bahasa Melayu yang digariskan dalam Kerangka Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 (Ekshibit 2-10) bermatlamat untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam bahasa Melayu. Pihak kementerian akan memastikan kelima-lima aspek usaha mengukuhkan pendidikan bahasa Melayu dapat direalisasikan dengan berjaya, iaitu (1) pemeriksaan kemahiran lisan dalam PdP bahasa Melayu di semua jenis sekolah pemeriksaan ujian lisan; (2) bahasa Melayu (ULBM) sekolah rendah dan menengah format baharu pentaksiran BM dan KMK SPM; (3) penjenamaan kesusasteraan Melayu komunikasi di sekolah menengah; (4) ujian penguasaan bahasa Melayu sebagai syarat mengikuti program di universiti; dan (5) program interaktif kemahiran bahasa Melayu (PIKeBM). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran lisan dititiberatkan dalam pendidikan bahasa Melayu bagi melahirkan modal insan yang berketerampilan berbahasa.

Dalam dunia abad 21 ini, kemahiran lisan semakin penting dalam kehidupan lapisan masyarakat seharian sama ada dalam bidang pendidikan, industri, ekonomi, perundangan dan sebagainya. Seseorang itu berkomunikasi bertujuan untuk menyampaikan maklumat kepada individu lain. Keupayaan individu berkomunikasi dengan cemerlang dan berkesan membolehkan orang lain menerima input yang jelas dan dapat difahami dengan baik. Fulcher (2003) dan Ahmad Kilani Mohamed (2001) berpendapat bahasa sebagai alat komunikasi, proses pertuturan menggunakan bahasa untuk tujuan berkomunikasi dengan orang lain. Fulcher menyatakan kemahiran bahasa yang terdiri daripada kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur melibatkan kemahiran yang produktif.

Namun demikian, ciri-ciri linguistik yang dapat dilihat dalam kemahiran lisan dan kemahiran menulis misalnya nyata berbeza. Terdapat tiga ciri kemahiran lisan, iaitu melibatkan unsur fonologi, tatabahasa leksikal, dan analisis wacana. Fonologi merangkumi segmental dan suprasegmental. Segmental pula terdiri daripada unsur terkecil, iaitu fonem, suku kata sehinggalah terbinanya satu perkataan. Manakala suprasegmental memerlukan seseorang itu menyebut dengan intonasi, panjang-pendek, dan getaran suara yang sesuai. Seterusnya, tatabahasa leksikal bukan sahaja menumpukan kepada perkataan malah tahap pengucapan morfologi (Bygate, 2009). Analisis wacana pula adalah bagaimana perhubungan sosial itu berlangsung dengan mengaplikasikan aturan-aturan bahasa supaya dapat difahami semasa aktiviti komunikasi dijalankan (Bygate, 2009; Widdowson, 1979).

Oleh itu, semasa menjalankan pentaksiran lisan di dalam bilik darjah, para guru mendapat gambaran tentang perkembangan pembelajaran murid. Guru dapat menentukan tahap penguasaan murid untuk aktiviti pentaksiran seterusnya dengan membuat perancangan sama ada murid perlu diberi peluang kedua atau meneruskan pentaksiran. Seterusnya, pentaksiran lisan ini penting kerana membolehkan guru menilai keberkesanan proses PdP (Ekua, 2016). Sekiranya objektif pengajaran tidak mencapai objektifnya, guru boleh membuat refleksi dan mengambil langkah untuk



mengubah teknik, kaedah, pendekatan, atau strategi untuk sesi pentaksiran lisan akan datang. Oleh itu, pentingnya pelaksanaan kemahiran lisan ini, membantu guru memperbaiki PdP dan membuat perancangan untuk tindakan susulan.

Kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran lisan dalam PdP bahasa Melayu membolehkan murid berinteraksi dengan orang lain untuk menyatakan hasrat perasaan, pengalaman yang dilalui, memberi pendapat dan pandangan secara tepat dan berkesan (KPM, 2016). Misalnya, salah satu aktiviti pentaksiran formatif ialah perbincangan dalam kerja kumpulan mampu memberi murid peluang untuk berinteraksi dengan rakan sebaya bagi memperoleh maklumat yang diperlukan mengikut tugas yang diberi oleh guru.

Pentaksiran lisan berlangsung mengikut konteks sama ada antara murid-guru, murid-murid, dan murid dengan bahan pembelajaran (KPM, 2018). Dalam konteks pentaksiran bilik darjah, guru akan memberi tugas kepada murid dan berinteraksi dengan murid secara langsung sama ada secara individu atau berkumpulan. Pada kebiasaan amalan pentaksiran, guru akan menggunakan strategi dengan membuat pemerhatian, bertulis, dan lisan. Strategi lisan sering diaplikasikan oleh guru dengan mengajukan soalan-soalan lisan secara spontan dan serta merta kepada murid untuk memberi jawapan. Jawapan yang diberikan oleh murid sebagai maklumat kepada guru sama ada murid tahu atau tidak jawapan yang sebenar.

Interaksi murid dengan murid merupakan proses interaksi secara pantas dan spontan berlaku melalui tindak balas apabila murid menjawab soalan rakan ketika berbincang, memberi peluang kepada rakan sebaya untuk menyatakan pendapat, mahupun mengendalikan sesuatu demonstrasi. Proses interaksi memberi peluang kepada murid menyebut perkataan dan ayat dengan jelas, betul, dan tepat. Interaksi yang melibatkan murid dan bahan pembelajaran pula seperti mendeklamasikan sajak atau tugas yang diberi oleh guru dengan menggunakan buku teks sebagai bahan pembelajaran murid. Aktiviti yang dijalankan di dalam kelas secara tidak langsung membolehkan murid meniru gaya dan cara guru mereka bertutur, iaitu menyebut perkataan dengan gaya, intonasi, dan sebutan dengan betul. Proses pembelajaran ini dapat meningkatkan kemahiran lisan dalam kalangan murid dari semasa ke semasa bukan sahaja dalam bidang bahasa malah bidang lain yang dipelajari di sekolah.

Kepentingan seterusnya dapat membantu murid memperluas perbendaharaan kata. Murid dapat bertutur dengan memilih perkataan yang sesuai dan menggunakan ayat gramatis. Melalui pentaksiran lisan, murid harus menggunakan bahasa secara produktif dan bersikap terbuka serta bersedia memberi gerak balas. Pada masa yang sama, guru akan membimbing murid dan bukan mengawal mereka. Selain itu, dapat melahirkan murid yang berketerampilan berbahasa dan dapat menyesuaikan diri mengikut situasi persekitaran mereka. Secara tidak langsung, keupayaan murid

bertutur di khalayak ramai dapat membina keyakinan yang tinggi dalam diri mereka untuk berhadapan dengan orang ramai secara terbuka.

Sehubungan dengan itu, kemahiran lisan memberi kesan positif terhadap guru sebagai pentaksir kerana dapat memberi peluang untuk membuat penambahbaikan proses PdP dan pentaksiran sekiranya matlamat pembelajaran murid tidak tercapai (Earl dan Katz, 2006). Menurut Schildkamp dan Lai (2013), data pentaksiran yang diperoleh adalah sangat penting kerana membantu guru untuk mengukur sejauh mana pencapaian murid dan dapat memperbaiki pencapaian pembelajaran murid pada sesi PdP yang lain. Oleh itu, kecekapan lisan seseorang merupakan refleksi fikiran yang boleh dijelmakan semasa berhujah dapat melahirkan murid yang cekap berkomunikasi.

Dalam kajian ini, pengkaji akan meneroka bagaimana guru menjalankan pentaksiran lisan di dalam bilik darjah berdasarkan standard-standard yang dirancang, strategi pentaksiran yang dipilih dan dijalankan, apa kriteria yang dinilai oleh guru semasa murid berinteraksi serta cara yang digunakan oleh guru untuk menentukan tahap pencapaian pentaksiran murid.

#### **1.4 Peranan Guru dalam Melaksanakan Kemahiran Lisan**

Pendidikan bahasa Melayu dapat dimartabatkan dengan melahirkan seorang guru yang berketerampilan dalam menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Dalam hal ini, guru bahasa Melayu yang berketerampilan mestilah memenuhi ciri-ciri; (1) berpengetahuan dalam mata pelajaran yang diajarkan; (2) berkebolehan mengurus, menghasilkan, dan memanfaatkan pelbagai bentuk sumber; (3) berpengetahuan dalam prinsip pembelajaran dan pedagogi; dan (4) peka terhadap dasar dan isu pendidikan (KPM, 2017). Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kemahiran lisan yang merupakan sebahagian pentaksiran formatif menitikberatkan peranan guru semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah. Seseorang guru itu menurut Moss (2008) perlu terlebih dahulu menetapkan dalam pemikiran mereka agar sentiasa bersedia untuk mengenal dan mengesan sejauh mana tahap pembelajaran murid misalnya bagaimana murid menyelesaikan masalah dan apakah kesalahan yang perlu dibaiki semasa pembelajaran. Guru juga harus menggunakan bukti yang diperoleh semasa PdP untuk merancang tindakan yang perlu diambil pada sesi pengajaran akan datang. Seterusnya, guru mempertimbangkan apakah tugas yang sesuai untuk membentuk pembelajaran murid dan bimbingan yang berterusan diberi oleh guru agar murid mudah faham apa yang dipelajari.

Amalan pengajaran kemahiran lisan menitik beratkan proses pentaksiran yang diaplikasikan kepada murid. Walaupun kurikulum baharu masih di peringkat awal, guru hendaklah berusaha untuk mendalami sepenuhnya Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran sebagai konstruk utama dalam kemahiran lisan. Brown (2007)

menyatakan guru perlulah peka semasa menilai dan membuat penskoran kemahiran lisan berdasarkan tahap penguasaan bahasa murid dengan mempertimbangkan kriteria seperti berikut:

- (1) Kefasihan
- (2) Perbendaharaan kata
- (3) Tatabahasa
- (4) Ciri-ciri wacana (perpaduan, sosiolinguistik, kesesuaian dll)
- (5) Tugas (*task*) (menyelesaikan objektif tugas)

Brown (2007) menegaskan perkara asas yang perlu diberi perhatian semasa guru menjalankan pentaksiran lisan adalah ujaran yang dihasilkan secara spontan, bernas, dan mudah untuk disampaikan kepada murid. Dalam hal ini, pengujaran guru hendaklah disampaikan secara lantang, jelas, ayat yang tersusun rapi dan dapat didengar oleh murid yang hendak ditaksir. Malah, pemilihan topik atau tema hendaklah dalam pengetahuan sedia ada murid.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini guru akan merancang, melaksana, dan melaporkan hasil pentaksiran ke atas murid setelah membuat penilaian berdasarkan kriteria yang diperlukan dalam kemahiran lisan. Pemilihan bahan tugas pentaksiran adalah mengikut kemampuan murid dan guru menilai murid menggunakan Standard Pembelajaran (SP) dan mengukur keupayaan mereka bertutur dengan Tahap Penguasaan (TP) dari satu hingga enam.

### **1.5 Penyataan masalah**

Transformasi sistem pendidikan negara yang beralih kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah membawa impak terhadap pelaksanaannya dalam kalangan guru dengan tuntutan baharu dalam sistem pentaksiran. Dalam konteks cabaran melaksanakan pentaksiran formatif, guru didapati mempunyai kompetensi dan pengetahuan yang rendah berikutan kursus PBS yang dihadiri begitu singkat menyebabkan mereka tidak memahami dengan jelas bagaimana pentaksiran itu seharusnya dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, pengisian kursus PBS yang dihadiri oleh guru tidak berfokus kerana pihak berkepentingan hanya menunjukkan cara untuk menulis RPH dan bukannya membimbing guru cara untuk mentaksir murid (Hamimah dan Rohaya, 2014). Malah terdapat guru yang menerima maklumat berkaitan PBS melalui Jurulatih Utama (JU) secara Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) dan masalah timbul apabila kecairan maklumat berlaku berikutan JU sendiri tidak memahami kandungan kursus yang disampaikan kepada guru.

Amalan pentaksiran dalam kalangan guru yang tidak kompeten akan mengakibatkan guru tidak dapat mencungkil potensi sebenar murid. Guru didapati tidak mahir untuk menjalankan pentaksiran lisan kerana kurang pengetahuan, kefahaman, kepakaran,



dan kemahiran untuk menaksir murid. Implikasinya, guru gagal memantau kemajuan pembelajaran murid akibat kurangnya pengetahuan. Hal ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap penguasaan kemahiran komunikasi murid pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan pentaksiran harus difahami sebaik mungkin di samping kefahaman yang tinggi agar akauntabiliti pentaksiran tidak gagal dan dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh guru (Hamimah & Rohaya, 2014). Akibatnya, guru belum bersedia untuk menjalankan pentaksiran lisan kerana tidak menguasai standard pentaksiran sepenuhnya yang terkandung dalam dokumen baharu, iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. Pembaharuan dokumen ini selaras dengan kurikulum baharu KSSM yang mula digunakan pada tahun 2017.

Selain itu, terdapat guru bukan opsyen bahasa Melayu yang mengajar bahasa Melayu. Laporan Tahunan 2015 PPPM 2013-2025 mendapati kajian yang dijalankan ke atas guru bukan opsyen bahasa Melayu yang menggunakan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) sebagai alat pengukuran tahap kemahiran dan kecekapan berbahasa guru membuktikan bahawa 21.4% guru tersebut mempunyai kelayakan untuk mengajar bahasa Melayu. Seramai 37.8% guru berkelayakan namun memerlukan latihan tambahan bagi mengukuhkan pengajaran bahasa Melayu. Namun demikian, sejumlah 40.9% guru bukan opsyen bahasa Melayu tidak berkelayakan untuk mengajar bahasa Melayu oleh sebab tidak memebuhi kriteria yang ditetapkan dalam UKBM. Data ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru bukan opsyen bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu tanpa kelayakan asas sebagai guru bahasa Melayu. Hal ini akan memberi kesan kepada pelaksanaan PdP dan pentaksiran di dalam bilik darjah khususnya kepada murid yang merupakan produk untuk melahirkan modal insan yang mempunyai kecekapan berbahasa dalam kehidupan mereka kelak. Oleh itu, hal ini membuktikan masalah guru bukan opsyen bahasa Melayu menyebabkan kegagalan guru untuk membuat penilaian pentaksiran lisan dengan baik.

DSKP mula diperkenalkan kepada para guru bahasa Melayu pada April 2016 menerusi kursus dan taklimat yang dijalankan oleh pihak KPM untuk persediaan pelaksanaan KSSM bermula pada tahun 2017. Arahan ini selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9 (2016) bertarikh 2 November 2016: *Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017*. Dalam tempoh yang singkat selama lapan bulan tidak mencukupi untuk guru memahami, meneliti, menghayati, dan menguasai sepenuhnya standard pentaksiran untuk kemahiran mendengar dan bertutur yang akan digunakan untuk menaksir murid. Peruntukan tempoh kursus yang singkat menyebabkan pengetahuan guru terhadap pelaksanaan dan cara penilaian pentaksiran yang sebenar tidak jelas (Hamimah & Rohaya, 2014; Mohamad Faiez, 2015). Kesediaan dan pengetahuan yang mencukupi berkaitan pentaksiran perlu diterapkan dalam diri seorang guru sebelum menyediakan instrumen, menentukan Tahap Penguasaan murid, dan mentafsir markah pentaksiran murid (Lim et al., 2014). Dapatan kajian ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan oleh Nor Sahidah (2014) mendapati tahap pemahaman

guru terhadap PBS menunjukkan bahawa sebanyak 68 peratus peserta kajian berada pada tahap sederhana dan 13 peratus berada pada tahap yang lemah.

Menurut Mc Neil (1996), perubahan kurikulum adalah satu proses yang rumit dan sukar di samping memerlukan satu perancangan yang teliti, tempoh masa yang mencukupi, pembiayaan, memberi sokongan dan peluang kepada guru sebagai pelaksana kurikulum baharu. Perubahan kurikulum dikatakan memerlukan tiga hingga lima tahun untuk melaksanakan inovasi yang sukar dan memakan masa setahun lagi bagi tujuan untuk menilai perubahan tersebut (Ann Lieberman dan McLaughlin, 1982).

Norazilawati (2012) berpendapat guru yang menjalankan pentaksiran merupakan faktor penting dalam menentukan keberhasilan pembaharuan pendidikan. Kesiediaan dan keperluan untuk berubah dalam mendepani pembaharuan pendidikan bermula dengan keyakinan yang tinggi dalam diri seseorang pendidik. Sewajarnya, kesiediaan guru untuk melaksanakan pembaharuan sistem pendidikan perlu diberi perhatian dan diberi penekanan utama kerana guru bukan sahaja menaksir murid sekadar untuk memenuhi kehendak kurikulum sebaliknya perkembangan pembelajaran murid diutamakan dalam pentaksiran lisan.

Pelaporan pentaksiran merupakan data ujian yang bertujuan untuk komunikasi dan penilaian. Menurut Ebbeler et al., (2016), penyampaian pelaporan murid kepada ibu bapa melibatkan proses komunikasi dengan memberi penjelasan tentang kebolehan murid dalam pembelajaran. Manakala penilaian melalui data ujian murid bertujuan untuk menunjukkan prestasi pembelajaran murid. Kajian kuantitatif yang dijalankan oleh Arsaythamby, Hariharan, dan Ruzlan (2015) dan Tan (2010) mendapati bahawa guru berhadapan dengan cabaran untuk mengendalikan penskoran pentaksiran di dalam bilik darjah sehingga memberi skor murid secara tidak adil dan tidak sah. Guru didapati kurang bersedia dan tahap pengetahuan berkaitan pentaksiran masih pada tahap rendah kerana kurang jelas bagaimana untuk mengendalikan sesuatu pentaksiran yang melibatkan instrumen pentaksiran, rubrik, panduan pentaksiran, dan prosedur yang seharusnya dilakukan semasa pentaksiran. Malah kesan daripada pengetahuan yang rendah tentang pengendalian pentaksiran menyebabkan ada antara guru yang langsung tidak menghiraukan dengan tidak melaksanakan pentaksiran seperti mana yang diarahkan oleh pihak KPM (Tan, 2010).

Dalam konteks pengajaran kemahiran lisan bahasa Melayu, guru berasa tertekan untuk melaksanakan perubahan dalam amalan pentaksiran berikutan sikap dan perasaan kurang keyakinan untuk menjalankan pentaksiran (Suzana dan Jamil, 2012). Kajian yang dijalankan oleh Zamri dan Nor Razah (2011) mendapati bahawa teknik penysoalan yang digunakan untuk meningkatkan pembelajaran murid masih di tahap rendah. Implikasinya, kegagalan atau tidak dapat memilih dan mengaplikasikan

bahan, kaedah, dan pendekatan pentaksiran lisan yang tepat akan memberi kesan negatif terhadap usaha untuk melahirkan murid yang berketrampilan berbahasa dan menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Sewajarnya, guru terlebih dahulu perlu jelas mengenai hasil pembelajaran yang hendak ditaksir sebelum menentukan sesuatu kaedah pentaksiran yang sesuai dengan pelbagai tahap kebolehan murid (Hall dan Burke, 2003).

Sehubungan dengan isu-isu berkaitan cabaran pelaksanaan pentaksiran di atas, maka pengkaji akan melakukan kajian tentang pemahaman guru terhadap pentaksiran lisan bilik darjah berdasarkan standard kemahiran lisan bahasa Melayu menengah rendah. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana pentaksiran lisan dijalankan oleh guru bahasa Melayu. Kajian ini diharap dapat memenuhi aspirasi yang diharapkan oleh pihak KPM.

Kesimpulannya, guru perlu mendapatkan gambaran secara holistik bagi menjalankan pentaksiran lisan ke atas murid dengan memperoleh pemahaman yang mantap aspek yang hendak ditaksir, iaitu merujuk pernyataan standard kemahiran lisan bahasa Melayu.

## **1.6 Objektif kajian**

### **1.6.1 Objektif Umum**

Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk:

Meneroka pemahaman guru terhadap pentaksiran lisan bilik darjah berdasarkan standard kemahiran lisan bahasa Melayu menengah rendah.

### **1.6.2 Objektif Khusus**

Kajian ini dijalankan bagi tujuan:

1. meneroka pemahaman guru terhadap pentaksiran lisan bahasa Melayu.
2. menghuraikan pemahaman guru terhadap tatacara pelaksanaan pentaksiran lisan.
3. menghuraikan pemahaman guru terhadap cara penskoran Tahap Penguasaan murid semasa pentaksiran lisan di dalam bilik darjah.

## **1.7 Persoalan kajian**

1. Adakah guru faham untuk melaksanakan pentaksiran lisan bahasa Melayu?
  - a) Apakah definisi pentaksiran lisan berdasarkan kepada pemahaman guru?
2. Bagaimanakah pelaksanaan pentaksiran lisan bahasa Melayu dijalankan?
  - a) Apakah langkah pelaksanaan pentaksiran lisan?
  - b) Bagaimanakah guru memberi maklum balas pentaksiran kepada murid semasa pentaksiran lisan?

3. Bagaimanakah guru melaksanakan penskoran Tahap Penguasaan murid dalam pentaksiran lisan?

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada para guru bahasa Melayu menengah rendah agar ketiga-tiga standard kemahiran lisan difahami dan dikuasai oleh guru supaya pentaksiran lisan dapat dilaksanakan dengan membuat penskoran secara tepat dan adil. Selain itu, guru dapat mengesan sejauh mana keberkesanan pengajaran yang telah dilaksanakan dan mengambil tindakan dengan merancang semula dan mengubah suai pengajarannya pada sesi pengajaran seterusnya. Guru juga dapat memperlihatkan perkembangan pembelajaran murid secara menyeluruh kerana pentaksiran berlaku semasa aktiviti harian di sekolah dan bergerak secara berterusan (KPM, 2016; Heitink et al. 2016). Maka, guru akan mengambil tindakan susulan demi meningkatkan kualiti pedagogi mata pelajaran bahasa Melayu khususnya pelaksanaan pentaksiran. Hal ini selaras dengan enam Aspirasi Murid dalam PPPM 2013-2025 seperti dalam Rajah 1.4, antaranya hasrat yang terkandung dalam kemahiran dwibahasa ialah setiap murid akan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan supaya setelah mereka tamat persekolahan, murid berupaya menggunakan bahasa Melayu dalam persekitaran kerja. Kajian ini melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan PBD, iaitu pentaksiran lisan bahasa Melayu yang dijalankan di dalam bilik darjah semasa proses PdP.

Melalui kajian ini, dapat memberi peluang kepada pihak KPM, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk membuat penambahbaikan dengan merancang dan memberi kursus yang lebih mantap kepada para guru bahasa Melayu sebagai pentaksir sekolah tentang pelaksanaan pentaksiran lisan dengan lebih jelas.

Dapatan kajian ini akan menjadi input yang berguna kepada pihak pengurusan sekolah untuk mengetahui keberkesanan proses PdP dan pentaksiran guru. Seterusnya, pihak pentadbir dapat mengenal pasti potensi dan kekuatan perkembangan pembelajaran murid secara menyeluruh.

Kajian ini menggunakan teori fungsi dan peranan pentaksiran bilik darjah Brookhart (1997) untuk melihat bagaimana proses pentaksiran lisan dilakukan. Melalui teori ini, akan memperlihatkan sejauh mana teori ini dapat membantu guru bahasa Melayu melaksanakan pentaksiran lisan secara lebih berkesan.



**Rajah 1.4: Enam Ciri Utama yang Diperlukan oleh Setiap Murid untuk Berupaya Bersaing Pada Peringkat Global**

(Sumber: PPPM 2013-2025 (KPM, 2013))

## 1.9 Batasan Kajian

Pemilihan peserta kajian untuk ditemu bual dan pemerhatian terdiri daripada enam orang guru bahasa Melayu daripada tiga buah sekolah berlainan kategori di salah satu daerah di Negeri Sembilan, iaitu SMK, SABK, dan SBP sahaja. Pemilihan sekolah ini berdasarkan sekolah yang memperoleh kedudukan ranking sepuluh terbaik dalam peperiksaan awam. Dengan pemilihan sekolah yang berlainan kategori dapat melihat cabaran guru melaksanakan pentaksiran lisan. Justifikasi pemilihan sekolah tersebut berdasarkan sekolah yang mudah diakses dan mendapat kebenaran daripada Pengetua sekolah, di samping kesediaan guru untuk bekerjasama dalam kajian ini. Dengan pemilihan sekolah yang berlainan kategori dapat melihat cabaran guru melaksanakan pentaksiran lisan. Setiap sekolah mewakili dua orang peserta dan maklumat yang diperolehi daripada peserta kajian dapat memberi jawapan kepada objektif kajian. Peserta terdiri daripada guru bahasa Melayu yang mengajar murid menengah rendah dan telah mengajar subjek bahasa Melayu melebihi lima tahun dan pengalaman mengajar bawah lima tahun.

Justifikasi pemilihan pengalaman mengajar melebihi lima tahun dan bawah lima tahun bertujuan untuk melihat pelaksanaan guru terhadap pentaksiran lisan yang melibatkan guru berpengalaman mengajar dengan sistem pendidikan baharu PBS dan guru-guru yang berpengalaman dengan kurikulum lama KBSM dan sistem yang baharu PBS dalam kurikulum baharu KSSM. Pelaksanaan pentaksiran lisan hanya melibatkan murid tingkatan satu dan tingkatan dua sahaja serta dijalankan oleh guru semasa proses PdP di dalam bilik darjah. Masa yang dicadangkan untuk kutipan data bagi kajian ini dijangka mengambil masa selama tujuh bulan.



Selain itu, kajian ini berfokus hanya kepada aspek pentaksiran lisan di dalam bilik darjah. Setiap peserta kajian hanya akan diperhati semasa menjalankan pentaksiran lisan di dalam bilik darjah semasa proses PdP bahasa Melayu dalam satu waktu. Hal ini bermakna masa yang diambil untuk pengkaji memerhati sama ada guru menjalankan pentaksiran di awal, semasa, atau di hujung PdP.

## **1.10 Skop Kajian**

Kajian ini ingin melihat sejauh mana permasalahan guru bahasa Melayu merujuk standard kemahiran lisan ketika melaksanakan pentaksiran lisan dengan menggunakan kurikulum baharu KSSM berpandukan DSKP yang diguna pakai untuk murid tingkatan satu bermula pada tahun 2017 dan murid tingkatan dua pada tahun 2018.

## **1.11 Definisi Operasional**

### **1.11.1 Pemahaman Guru**

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), istilah pemahaman diertikan keupayaan untuk memahami sesuatu yang dipelajari. Pemahaman ditakrifkan sebagai proses ekstrapolasi yakni kemampuan individu untuk membuat kesimpulan daripada hujah yang diketengahkan melalui data yang diperoleh atau maklumat yang diberi (Bloom et al., 1956). Proses pemahaman tersebut melibatkan aktiviti menterjemah sesuatu maklumat asas sehingga membentuk satu idea yang mantap tanpa mengubah makna asalnya. Pemahaman guru terhadap pengajarannya merangkumi bagaimana kemampuan mereka untuk menerokai pengetahuan yang ada, di samping dapat menilai hasil kerja sendiri dan juga individu lain (Holt, 1981).

Marohani (2014) menakrifkan pemahaman ialah keupayaan seseorang untuk menubuhkan, menafsirkan, dan menilai sesuatu maklumat atau apa-apa yang diperoleh semasa membaca. Proses pemahaman melibatkan proses mental yang kompleks, iaitu merangkumi mengecam perkataan, memilih makna yang sesuai, menghubungkan idea dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada, menyusun idea, menubuhkan generalisasi dan menilai. Menurut Marohani lagi, seseorang yang tidak mencapai pemahaman ketika membaca, maka tidak menjadi pelengkap bagi perlakuan membaca.

Dalam konteks kajian ini, definisi pemahaman ialah kemampuan peserta kajian untuk membuat kesimpulan apa yang terkandung dalam standard kemahiran lisan. Proses pemahaman tersebut melibatkan aktiviti menterjemah standard kemahiran lisan hingga membentuk satu idea mantap tanpa mengubah maksud pernyataan dalam Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi (SPi). Guru perlu memahami dan memenuhi pernyataan setiap standard yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid. Dalam hal ini, guru akan mengamati dan membuat pengecaman setiap perkataan dalam pernyataan setiap ketiga-tiga standard sehingga menimbulkan idea untuk merangka aktiviti pembelajaran yang bermakna.

Setelah memahami pernyataan yang terkandung dalam SK dan SP, peserta kajian seterusnya akan melalui proses penyoalan pentaksiran lisan kepada murid. Proses ini memerlukan guru menggunakan aras penyoalan yang bersesuaian dari tahap paling rendah ke tahap yang lebih kompleks untuk menyoal murid. Pemahaman guru terhadap ketiga-tiga standard kemahiran lisan menjadi tunjang utama menentukan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran lisan kepada murid yang ditaksir.

Guru yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah enam orang guru yang mengajar bahasa Melayu di tiga buah sekolah berlainan kategori yang telah dipilih oleh pengkaji, iaitu guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Oleh yang demikian, perkataan 'guru' yang dimaksudkan dalam perbincangan ini adalah merujuk kepada guru-guru yang menjadi peserta kajian sahaja.

### **1.11.2 Kemahiran Lisan**

